

Newspaper	Berita Harian
Date	28/3/2013

Tak hayati ajaran Islam punca mundur

BH-28/3/2013

Ummah hanya mampu bermegah dengan kejayaan lalu

“Masa kecil dulu saya ingat pendapat ulama ketika itu, lampu elektrik tidak boleh pasang dalam masjid. Haram kerana ciptaan orang kafir. Saya lalu zaman itu tetapi jika sekarang bila dengar, orang akan ketawa.

“Ada yang kata kereta bermotor tidak boleh guna untuk jenazah sebab ciptaan orang kafir tetapi sekarang guna kereta jenazah bermotor. Pendapat ketika itu memang begitu. Memang tidak menepati ajaran Islam tetapi pendapat orang tertentu yang ada kedudukan dalam masyarakat.

“Sebenarnya, jika ajaran itu tidak betul kita harus persoalkan terutamanya yang tidak menepati ajaran Islam.”

Itu sebahagian mukadimah bicara Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Tun Dr Mahathir Mohamad, kepada hadirin yang memenuhi Dewan Perdana Felda pada Majlis Bual Bicara Dakwah Bersama Tun Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Hadir pada majlis anjuran PERKIM itu, Setiausaha Agung Kehormat PERKIM, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor dan Pengarah Jawatankuasa Dakwah PERKIM, Datuk Ismail Ibrahim.

Tak mampu ulangi kegemilangan tamadun Islam
Bekas Perdana Menteri itu menjurus bicaranya kepada kegagalan umat Islam menghayati ajaran Islam hingga meny-

babkan mereka tidak mampu mengulangi kegemilangan tamadun Islam satu ketika dulu yang kini hanya dirujuk sebagai kemegahan.

Sedangkan, kemegahan itu hanya memperakukan kelemahan umat Islam zaman ini yang tidak bertamadun, merosot, mundur hingga umat Islam mudah dihina, ditindas serta diperlekehkan, tetapi tiada apa yang boleh dilakukan untuk menangkisnya.

Mahathir berkata, umat Islam hari ini bangga apabila bercakap mengenai jumlah mereka lebih 1.6 bilion berbanding penganut Katholik yang berjumlah 1.2 bilion tetapi keadaan umat Islam tidak begitu baik seperti yang dikehendaki agama.

Beliau memberi contoh negara Islam yang rakyatnya saling berperang sesama sendiri, kedudukan negara Islam yang kaya tetapi tidak membantu negara Islam miskin dan nasib umat Islam sebagai rakyat minoriti di negara bukan Islam.

“Bolehkah kita bangga dengan orang Islam masa kini? Kita hanya cerita masa dulu, orang Islam dulu yang kuat, berkebolehan, ada ahli sains dan pelayar. Hakikatnya umat Islam sekarang mundur dan siapa saja boleh menguasai negara kita.

“Kita perlu tanya adakah ini berlaku



Peserta Majlis Bual Bicara Dakwah bersama Tun Dr Mahathir Mohamad di Dewan Perdana Felda. [SALHANI IBRAHIM] BH



“Kita hanya cerita masa dulu, orang Islam dulu yang kuat, berkebolehan, ada ahli sains dan pelayar. Hakikatnya umat Islam sekarang mundur dan siapa saja boleh menguasai negara kita”

Tun Dr Mahathir Mohamad, Yang Dipertua PERKIM

kerana agama Islam atau ajaran Islam. Tidak, kemunduran kita disebabkan oleh umat Islam sendiri kerana tidak amalkan ajaran Islam tetapi guna ajaran Islam sebagai satu pameran,” katanya.

Pelajari sains dan matematik

Sebab itu katanya, umat Islam perlu mempelajari sains dan matematik kerana suruhan itu datangnya daripada al-Quran untuk mempertanyakan orang Islam. Katanya, memang suruhan itu tidak khusus tetapi dapat difahami daripada maksud ayat al-Quran.

Mahathir berkata, kebanyakan kita (mungkin merujuk kepada umat Islam di Malaysia) tidak membaca al-Quran dalam bahasa yang difahami menyebabkan kita tidak mendapat panduan atau petunjuk yang terkandung di dalamnya.

Contoh mudah diberikan beliau ialah aspek keselamatan kerana dalam al-Quran (surah al-Anfal, ayat 60) sudah ada suruhan menyediakan kuda perang untuk menakutkan musuh dan memper-

tahankan umat Islam.

Namun, kuda perang dan anak panah tidak lagi sesuai untuk umat Islam zaman ini dan disebabkan itu mereka memerlukan ilmu sains untuk membina senjata sendiri. Bagaimanapun, kerana tiada kepakaran, umat Islam tidak mampu mencipta senjata dan terpaksa membeli daripada bukan Islam.

Sebaliknya, jika umat Islam patuh kepada ajaran Islam, mereka akan mempunyai ilmu mencukupi dan kebolehan mempertahankan diri serta agama.

Strategi kembang dakwah

Beralih kepada strategi mengembangkan dakwah, Mahathir berkata, cara berdakwah yang berkesan untuk menarik minat orang ramai terhadap agama Islam ialah kejayaan yang dicapai umat Islam sendiri.

Sebab itu katanya, beliau meminta untuk bertemu pendakwah pada majlis seperti itu supaya mereka dapat menjalankan aktiviti dakwah yang lebih berkesan dan mampu memperlihatkan ajaran Islam yang sebenar untuk orang lain memahami seterusnya tertarik kepada agama Islam.

“Dulu orang pilih Islam kerana orang Islam digambarkan orang yang berjaya tetapi hari ini duduk di Malaysia dengan ramai orang bukan Islam, berapa kerat yang menerima Islam? Dakwah kita tidak berkesan kerana tidak dapat tunjukkan kejayaan kita.

“Oleh itu kita perlu menjadi orang yang berjaya di dunia kerana jika kita ada kekayaan dan ilmu, orang akan hormat tetapi sekarang kita tidak mampu ajar orang kerana ilmu sudah kita ketepikan,” katanya.



HASLIZA HASSAN

hasliza@mediaprima.com.my